

KONSEP SYARIKAT DALAM ISLAM: SATU TINJAUAN

Ahmad Shamsul Dato' Abd Aziz'

Harta merupakan sesuatu yang diingini oleh tabiat semulajadi manusia dan boleh disimpan untuk sesuatu tempoh masa. Dengan harta juga seseorang itu boleh menggunakannya sebagai modal bagi menjalankan sesuatu perniagaan. Antara sumber pendapatan yang paling penting ialah melalui perniagaan, pertukangan dan pertanian. Hal ini, walaupun boleh dilakukan secara perseorangan, kebiasaannya ia memerlukan kerjasama pihak lain. Oleh itu, maka diperundangkan syarikat di dalam syariah yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Organisasi syarikat boleh diwujudkan apabila terdapat dua atau lebih pihak yang sanggup berkongsi dalam menjalankan sebuah perniagaan. Artikel ini akan membincangkan mengenai konsep syarikat di dalam perundangan Islam.

PENDAHULUAN

Dalam konteks hubungan manusia dengan harta, menerusi konsep perkongsian telah membawa kepada penubuhan satu entiti perniagaan yang dikenali sebagai 'as-syarikah' atau 'musyarakah' atau 'syarikat'. Aktiviti perniagaan seperti ini bukan sekadar satu perkongsian semata-mata tanpa adab dan peraturan, tetapi syarikat di dalam sistem ekonomi Islam merupakan satu kaedah yang telah diterimapakai sejak zaman Rasulullah s.a.w. Syarikat ditubuhkan untuk menggerakkan harta melalui penggabungan harta tersebut dengan sumber manusia supaya ia terus berkembang dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan individu pemilik harta tersebut khususnya dan masyarakat umumnya.

Secara etimologi, 'as-syarikah' bererti percampuran antara sesuatu dengan yang lain sehingga sukar dibezakan (Rahman Ritonga, 1999). Manakala 'syarikah' mengikut penggunaan umum bahasa Arab pula membawa erti menggabungkan dua perkongsian sebagai satu cara untuk membuatkan keduanya tidak boleh dibezakan (Ala'Eddin Kharofa, 1997). Walau bagaimanapun jumhur ulama tidak mensyaratkan 'percampuran' sebagai satu elemen yang membentuk definisi 'syarikah', sebaliknya memberi tumpuan tentang konsep kontrak yang mendasari sesuatu entiti perniagaan itu (Gulf Legal Services, 2001). Para fuqaha pula memberikan pelbagai definisi tentang istilah syarikat. Ulama Maliki mentafsirkan syarikat sebagai izin kedua pihak yang bersyarikat bagi

* En. Ahmad Shamsul Dato' Abd Aziz, Pensyarah Undang-undang, Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

pengurusan harta milik mereka dan setiap pihak mempunyai hak pengurusan (Sayid Sabiq, 1990). Ulama Hambali pula mentakrifkan syarikat sebagai perhimpunan dalam memperolehi hak atau 'tasarruf' atau kuasa pengurusan (Ala' Eddin Kharofa, 1997). Ulama Syafie menyatakan syarikat sebagai sabit hak pada sesuatu bagi dua orang atau lebih secara bersama manakala ulama Hanafi menjelaskan syarikat sebagai suatu kontrak antara dua orang yang berkongsi modal dan untung (Wahbah Zuhaili, 2000).

Pada hakikatnya, definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha menunjukkan terdapatnya unsur kerjasama dan perkongsian sama ada dalam bentuk hak pengurusan mahupun hak keuntungan. Namun begitu, definisi yang dikemukakan oleh ulama Hanafi kelihatan lebih menyeluruh kerana ia mengungkapkan syarikat sebagai suatu kontrak dengan sendirinya mewujudkan konsep hak dan tanggungjawab yang mengikat, sedangkan definisi yang lain lebih menjurus kepada tujuan atau kesan kontrak itu sendiri. Pemakaian konsep syarikat atau perkongsian sebagai suatu kontrak bukan sahaja terpakai kepada umat Islam, malahan konsep ini telahpun bertapak di zaman purba Rom di mana undang-undang Rom kuno telah mendefinisikan syarikat sebagai suatu kontrak yang dibuat secara sukarela yang akan mendatangkan tanggungjawab eksklusif kepada pihak-pihak yang berkontrak seperti kontrak jual-beli dan sebagainya.

HUKUM SYARIKAT DALAM ISLAM

Menurut para ulama Fiqh, adalah **harus** mengadakan perkongsian atau syarikat. Pensabitan hukum harus ini berdasarkan kepada dalil Al-Quran, Sunnah dan Ijma'. Di dalam Al Quran, konsep 'perkongsian' dinyatakan dalam bentuk perkongsian di dalam pembahagian harta perwarisan. Firman Allah s.w.t dalam surah An-Nisa' ayat 12 yang membawa erti "Maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dan perempuan). Manakala di dalam surah Sad ayat 24, Allah menerangkan tentang bagaimana rakan kongsi memperlakukan rakan-rakan kongsi yang lain, iaitu firman Allah,

"... Sesungguhnya kebanyakan orang yang bergaul dan berhubungan (dalam pelbagai lapangan hidup), sesetengahnya berlaku zalim kepada sesetengah yang lain, kecuali orang yang beriman dan beramal salih..."

Di samping nas Al-Quran, terdapat sebuah hadis qudsi yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, beliau mendengar Rasulullah s.a.w meriwayatkan yang Allah s.w.t berfirman,

“ Aku (Allah) adalah orang ketiga bersama-sama dengan rakan kongsi, selama masing-masing tidak mengkhianati yang lain maka Aku meninggalkan mereka berdua.”

Berdasarkan hadis ini, jelaslah Allah s.w.t telah berjanji bersama-sama menjaga dan memelihara pihak-pihak yang berkongsi itu selama mereka saling jujur dan amanah di dalam perniagaan mereka. Berdasarkan nas-nas ini, maka ijma' ulama sepakat mengharuskan kontrak syarikat memandangkan Allah sendiri telah berjanji untuk bersama-sama rakan kongsi yang jujur dan amanah serta berlandaskan hukum-hukum syariah dalam perniagaannya.

PENGEKELASAN SYARIKAT

Secara umumnya, para ulama' Fiqh membahagikan syarikat kepada 2 bentuk iaitu:

- a) Syarikat Milik (Syarikat Amlak)
- b) Syarikat Kontrak (Syarikat Uqud)

Syarikat Milik bermaksud “dua orang atau lebih memiliki suatu barang tanpa kontrak”. Syarikat Milik ini terbahagi pula kepada dua bahagian iaitu:

- i) Syarikat Pilihan (Syarikat Ikhtiar) – pihak-pihak bersetuju untuk berkongsi pemilikan ke atas sesuatu barang dengan kerelaan sendiri.
- ii) Syarikat Tanpa Pilihan (Syarikat Jabar) – timbulnya persyarikatan bukanlah atas dasar pilihan pekongsi seperti barang perwarisan.

Syarikat Kontrak pula berlaku di antara dua orang atau lebih untuk berkongsi dan turut serta dalam perniagaan dengan menyumbangkan sama ada modal atau tenaga untuk berkongsi di antara mereka apa-apa keuntungan atau kerugian (Razali Nawawi, 1999).

Perbincangan dalam artikel lebih menjurus kepada Syarikat Kontrak kerana syarikat jenis ini yang seringkali diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Mazhab Hambali, Syarikat Kontrak terbahagi kepada lima bahagian iaitu syarikat al-Inan (penggabungan harta atau modal dua orang atau lebih yang semestinya sama banyak), Syarikat Al-Mufawadah (syarikat yang mana modal, kerjasama dari segi kualiti dan kuantiti dan keuntungan antara rakan kongsi adalah sama rata), Syarikat Al-Abdan (syarikat dalam bentuk perkhidmatan), Syarikat Al-Wujud (syarikat tanpa modal) dan Syarikat Al-Mudharabah (bentuk kerjasama antara pemilik modal dengan pengusaha supaya memperniagakan modal dan keuntungan dibahagi bersama). Namun begitu, mazhab Maliki dan Hanafi tidak memasukkan Syarikat Al-Mudharabah sebagai

sebahagian Syarikat Kontrak. Manakala ulama Hanafi pula hanya membahagikan kepada tiga kategori iaitu Syarikat Al-Amwal, Syarikat Al-A'mal dan Syarikat Al-Wujud. Ketiga-tiga syarikat ini memiliki ciri-ciri yang sama dengan Syarikat Al-Inan dan Al-Mufawadah.

Rukun-rukun bagi Syarikat Kontrak pula terbahagi kepada tiga iaitu dua pihak yang berkontrak (pemegang-pemegang saham), perkara yang dikontrakkan dan lafaz akad. (Wahbah Zuhaili, 2000). Tanpa memenuhi ketiga-tiga rukun tersebut, sesebuah syarikat itu menjadi tidak sah.

SYARAT-SYARAT UMUM SYARIKAT KONTRAK (UQUD)

Terdapat empat syarat umum yang patut ada pada Syarikat Kontrak (BIMB Institute of Research and Training (BIRT), 1998) iaitu:

- a) boleh menerima perwakilan – seorang rakan kongsi memberi kuasa pengurusan kepada rakan kongsinya yang lain sama ada untuk membeli, menjual atau menerima kerja.
- b) nisbah keuntungan di antara rakan kongsi dinyatakan dengan jelas di majlis akad
- c) keuntungan itu hendaklah bersifat umum dan bukannya dalam jumlah tetap. Contohnya seperti menetapkan untung bagi salah seorang dari rakan kongsi sebanyak RM 100 atau RM 1000. Rasionalnya ialah kerana dikhuatiri kemungkinan jumlah tersebut tidak memadai dengan modal dan usaha yang disumbangkan.
- d) Keuntungan diambil daripada **hasil** laba perniagaan syarikat dan bukan daripada harta lain.

Syarat-syarat ini amat penting dalam menentukan keesahan sesebuah kontrak mengikut hukum syarak. Ketidaktentuan dan kejahilan mengenai perkara yang dikontrakkan akan menyebabkan kontrak itu menjadi 'fasid' atau terbatal.

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN KONTRAK SESEBUAH SYARIKAT

Terdapat dua perkara yang membatalkan kontrak syarikat iaitu:-

- i) perkara yang secara umumnya membatalkan kesemua jenis syarikat;
- ii) perkara yang khusus membatalkan sesetengah syarikat sahaja.

Perkara umum yang membatalkan Kontrak Syarikat:

- 1) Syarikat difasakhkan oleh salah seorang rakan kongsi.
- 2) Kematian salah seorang rakan kongsi.
- 3) Salah seorang rakan kongsi menjadi murtad dan lari ke negara musuh.
- 4) Rakan kongsi menjadi gila secara berterusan.

Perkara khusus yang membatalkan Kontrak Syarikat:

- 1) Tidak ada persamaan di antara dua modal khususnya bagi Syarikat al-Mufawadah.
- 2) Kerosakan harta syarikat seluruhnya atau kerosakan harta salah seorang daripada rakan kongsi sebelum dimulakan pembelian sesuatu.

SYARIKAT SEBAGAI INSTRUMEN SISTEM KEWANGAN ISLAM

Penubuhan syarikat yang paling baik dan diutamakan dalam Islam ialah perkongsian sesama muslim kerana diandaikan setiap muslim mempunyai akhlak yang terpuji dan memahami tanggungjawab masing-masing (Ismail Omar, 2000). Walau bagaimanapun, perkongsian atau penubuhan syarikat di antara muslim dan bukan muslim dibolehkan juga selagi kedua-dua pihak berada dalam rukun kedamaian serta memenuhi syarat-syarat yang tidak bercanggah dengan syariah. Selain daripada itu, ia dibolehkan dalam keadaan tidak ada atau susah mendapatkan umat Islam yang berupaya menerokai atau memajukan perniagaan secara aktif. Oleh yang demikian, boleh diadakan perdamaian dengan orang-orang musyrik apabila mereka memperolehinya dan tidak diperolehi kaum muslimin) (Imam Syafie, 1982)

Selain dari jenis syarikat yang telah dibincangkan, terdapat pelbagai syarikat dalam sistem kewangan Islam. Antaranya ialah:

- a) Syarikat al-Tausiyyah al-Basitah

Ia terbentuk dari ahli-ahli syarikat di mana rakan kongsi yang menanggung tanggungan adalah seorang yang menguruskan syarikat dan dia juga bertanggungjawab ke atas hak-hak berkaitan syarikat manakala rakan kongsi yang satu lagi merupakan pemilik harta syarikat.

- b) Syarikat al-Tamadun (Syarikat tanggungan bersama)

Ia merupakan sebuah syarikat yang dikontrakkan oleh dua orang atau lebih untuk melakukan perniagaan dalam semua jenis perniagaan atau sebahagiannya dan setiap ahli syarikat bertanggungjawab menjamin seluruh tanggungan syarikat.

c) Syarikat al-Muhasah

Ia merupakan syarikat yang melibatkan dua orang rakan kongsi atau lebih dan menjalankan satu projek kewangan dan mengemukakan saham yang berbentuk harta atau tenaga. Setiap keuntungan dan kerugian dibahagikan antara mereka.

d) Syarikat Zatul Mas'uliyah al-Mahdudah (Syarikat tanggungan berhad)

Ia merupakan sebuah perniagaan yang sama seperti syarikat harta. Setiap ahli bertanggungjawab setakat kadar pelaburannya sahaja dalam syarikat dan jumlah ahli tidak lebih daripada 50 orang.

e) Syarikat al-Musahamah

Modal bagi syarikat ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian kecil yang sama banyak dan setiap bahagian itu dipanggil saham yang tidak boleh dipecahkan tetapi boleh ditukar ganti. Pemegang saham mempunyai tanggungjawab yang terhad kepada nilai sahamnya sahaja.

f) Syarikat Kenderaan

Sebahagian daripada ahli syarikat memiliki saham-saham tertentu dan salah seorang daripada mereka menjadi pemandu dan kebiasaannya mengambil upah atau gaji bukan dalam jumlah yang tertentu. Syarikat ini juga terbentuk di atas tanggungan ahli-ahli syarikat atau atas kerja mereka dan juga berdasarkan kepada konsep wakalah (perwakilan).

g) Syarikat Binatang (Syarikat al-Baha'im)

Modal diberi oleh rakan kongsi manakala rakan kongsi lain menguruskan perniagaan. Terdapat juga keadaan di mana dua orang ahli syarikat itu berkongsi membayar harga binatang dan kemudian salah seorang rakan kongsi itu bekerja sama ada mengembala ataupun memberi makanan. Syarikat jenis ini tidak diamalkan secara meluas di negara kita.